

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
KAWASAN : SHAH ALAM
TARIKH : 16 MAC 2015, ISNIN

SOALAN:

YB. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD (SHAH ALAM) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan:

- (a) usaha Kementerian mengatasi masalah kesesakan lalu lintas dari Jalan Lebu Raya Batu Arang dari Seksyen U10 Shah Alam sehingga Jalan Sungai Buloh; dan
- (b) dari Persimpangan Bukit Jelutong, Lebu Raya Guthrie (E35) sehingga simpang Lebu Raya Persekutuan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan Seksyen U10 Shah Alam – Sg Buloh ialah berstatus jalan negeri, iaitu di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kerajaan Negeri Selangor.

Manakala cadangan menaik taraf Jalan Batu Arang ke Shah Alam pula sememangnya termasuk sebagai salah satu projek yang dirancang untuk dinaikkan taraf sebagaimana rekomendasi Laporan Pelan Induk Rangkaian Pembangunan Jalan Raya, Semenanjung Malaysia (HNDP), 2008. Projek ini akan dipohon untuk dilaksanakan dalam tempoh RMKe-11 (2016 – 2020), tertakluk kepada kelulusan Agensi Pusat.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini mengambil maklum isu kesesakan di Jalan Persekutuan 3214 antara persimpangan Bukit Jelutong, Lebuhraya GUTHRIE ke persimpangan Lebuhraya Persekutuan 2 (FHR2). Berdasarkan bancian trafik tahun 2014, laluan tersebut mencatatkan aliran trafik yang tinggi, iaitu melibatkan 141,000 kenderaan sehari. Kementerian ini dimaklumkan bahawa Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah melantik juru perunding swasta bagi menjalankan Kajian Lalu Lintas dan Pengangkutan Awam di laluan berkenaan. Sehubungan itu, sebarang perancangan kementerian ini untuk menaik taraf laluan berkenaan akan mengambil kira hasil laporan kajian lalu lintas yang dilaksanakan oleh MBSA itu.

Sekian. Terima kasih.